

**JOURNAL OF TOURISM,  
HOSPITALITY AND  
ENVIRONMENT MANAGEMENT  
(JTthem)**  
[www.jthem.com](http://www.jthem.com)



## KOMUNITI ORANG ASLI HULU BEHRANG: KAJIAN AWAL

### *COMMUNITY OF ORANG ASLI HULU BEHRANG: A PREMILINARY STUDY*

Mohd Syariefudin Abdullah<sup>1\*</sup>, Nurulsaidah Abdul Rahim<sup>2</sup>, Aisyah Mohamad Sharif<sup>3</sup>, Mohd Izwan Shahril<sup>4</sup>

- <sup>1</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: syariefudin@fsk.upsi.edu.my
- <sup>2</sup> Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: saidah@fsm.upsi.edu.my
- <sup>3</sup> Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: aisyah@fsm.upsi.edu.my
- <sup>4</sup> Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: izwan.shahril@fsskj.upsi.edu.my
- \* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 01.07.2021

Revised date: 16.08.2021

Accepted date: 30.09.2021

Published date: 31.10.2021

##### To cite this document:

Abdullah, M. S., Abdul Rahim, N., Sharif, A. M., & Shahril, M. I. (2021). Komuniti Orang Asli Hulu Behrang: Kajian Awal. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (25), 36-51.

DOI: 10.35631/JTHEM.625004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk melihat profil dan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Hulu Behrang, Tanjung Malim. Sebanyak 11 buah kampung Orang Asli di Hulu Behrang telah terlibat yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu berdekatan, sederhana dekat dan jauh dari jalan raya utama. Kajian yang dijalankan menggunakan set soal selidik dan responden dipilih secara rawak mudah. Analisis menggunakan peratus dan diterangkan secara deskriptif. Sebanyak 369 soal selidik telah dijawab oleh responden. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan lokasi kampung Orang Asli sudah lengkap dengan kemudahan asas menyebabkan mereka terdedah dengan masyarakat arus perdana. Pendapatan bulanan masih rendah iaitu 70 peratus berada di garis kemiskinan tergar pendapatan bawah RM500 sebulan.

#### Kata Kunci:

Komuniti, Orang Asli, Hulu Behrang

#### Abstract:

This study was conducted to investigate the profile and socio-economy of the Orang Asli Community in Hulu Behrang, Tanjung Malim. A total of 11 Orang Asli villages in Hulu Behrang were involved in this study. The villagers were

divided into three categories, the first is near to the main road, medium to develop and the last is outside of the main road or development. The study was conducted using a set of questionnaires and respondents were selected at simple random sampling. The analysis uses percentages and is described descriptively. An amount of 369 questionnaires were answered by the respondents. The findings show that the overall location of Orang Asli villages is complete with basic facilities as they are exposed to the mainstream communities. Only in the aspect of monthly income is still low, more than 70 percent are in the hardcore poverty category with income below RM500 a month.

**Keywords:**

Community, Orang Asli, Hulu Behrang

**Pengenalan**

Masyarakat Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai etnik termasuklah masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli boleh dikategorikan sebagai kelompok minoriti ini kerana menurut perangkaan tahun 2019 populasi Orang Asli hanya sekitar 178 ribu sahaja di Malaysia berbanding jumlah etnik populasi penduduk Malaysia tahun 2019 adalah 32.6 juta orang iaitu dalam 0.6 peratus sahaja populasi keseluruhan masyarakat Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Namun begitu, Masyarakat Orang Asli dilihat sebagai mempunyai pelbagai masalah terutama dari aspek sosioekonomi, pendidikan dan kesihatan. Isu berkaitan dengan kemiskinan bukan isu baru dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Menurut Choy. E.A, Zalina Che Mat Ariffin dan Joy. J. P (2010) yang membuat kajian di Hutan Simpan Bukit Lagong ke atas Orang Asli mendapati bahawa aktiviti ekonomi mereka adalah dalam bentuk sara diri dan hanya “cukup hidup”. Aktiviti ekonomi yang mereka ceburi menyumbang kepada keadaan yang daif dan susah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli dipandang sebagai terasing dan terpisah dari arus pemodenan negara. Hutan dan persekitaran semula jadi telah menjadi tempat untuk Orang Asli bergantung hidup untuk menjalani kegiatan ekonomi dan sara diri, seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan serta menangkap ikan (Ramlee Abdullah 2008).

Begitu kajian yang dilakukan 10 tahun kemudian di mana tiada bezanya. Kajian oleh Muhammad Wafi Ramli. (2020) ke atas keadaan ekonomi komuniti orang asli Semoq Beri melalui indikator pekerjaan dan pendapatan, perbelanjaan asas, dan pemilikan aset mendapati bahawa majoriti dalam kalangan responden masih menjalankan aktiviti memungut hasil hutan sebagai pekerjaan utama. Pendapatan bulanan yang dijana melalui pekerjaan tersebut tidak memberi pulangan yang tinggi untuk kelangsungan hidup yang mana menunjukkan bahawa mereka masih hidup di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK) iaitu kurang RM880 sebulan. Perbelanjaan asas mereka juga agak tinggi berbanding dengan keupayaan pendapatan bulanan. Mereka juga tidak mempunyai aset yang lengkap seperti barangan keperluan rumah dan kenderaan yang mana tidak dapat menjamin kesejahteraan hidup.

Keadaan ini menjelaskan kepada kita bahawa masyarakat Orang Asli dari dulu hingga kini masih dibelenggu dengan kemiskinan dan tidak mampu menampung kelangsungan hidup untuk membeli keperluan asas kerana pendapatan mereka di bawah garis kemiskinan. Oleh itu, kertas kerja ini cuba mendekati masyarakat Orang Asli Tg. Malim dan melihat latar belakang dan keadaan sosio ekonomi mereka.

## Kajian Lepas

Menurut Chamburi (2004) istilah kemiskinan perlu dilihat secara meluas ini kerana komponen kemiskinan bukan sahaja merangkumi elemen ekonomi malahan juga elemen lain antaranya sosiobudaya, agama, pendidikan, kesihatan, temporal, alam sekitar dan ruwang. Namun dalam kajian ini akan hanya melihat dari aspek sosioekonomi. Secara umum kemiskinan ini adalah merujuk kepada kekurangan atau tidak cukup sumber untuk meneruskan kehidupan untuk diri sendiri dan isi rumah. Sumber di sini adalah merujuk kepada sumber asas seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya (Laily dan Sharifaz Azizah, 2010).

Bagi mengukur garis kemiskinan antara alat ukur yang digunakan setakat ini adalah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK adalah pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah untuk memenuhi keperluan asas bagi makanan dan bukan makanan. Oleh itu melalui penggunaan alat ukur PGK antara yang kita boleh lihat dalam konteks kemiskinan adalah kekurangan dalam pendapatan. Keperluan pendapatan akan menjejaskan perkara-perkara asas yang lain seperti makanan, pakaian, kediaman dan juga keperluan-keperluan asas yang lain termasuklah pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan sebagainya. Mengikut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia (2016) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) tahun 2014 ialah RM930 dan PGK bagi kemiskinan tegar adalah RM580 di Semenanjung Malaysia. Asas daripada dapatan ini akan digunakan untuk menjelaskan keadaan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Ulu Behrang, Tanjung Malim Perak.

Sesuatu perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat perlulah mengikut kesesuaian dan kemahuan berdasarkan pihak yang perlu dibangunkan iaitu Orang Asli. Hal ini kerana, mereka yang ingin menjalani kehidupan mereka dalam keadaan itu, jadi pembangunan yang ingin dilakukan perlulah mengikut citarasa mereka agar kelestarian asal habitat mereka terjaga (Mohd Nur Syafaat Jamiran dan Seow, 2013). Kajian ini dibuat berkenaan dengan kelestarian transformasi pembangunan sosioekonomi Orang Asli. Kajian ini dibuat bertujuan untuk menerangkan kerangka teoritikal tentang kelestarian perubahan ke arah kemajuan masyarakat Orang Asli di Malaysia. Kajian ini juga merupakan kupasan literatur yang memfokuskan kepada kelestarian transformasi pembangunan.

Kajian di buat oleh Mustaffa Omar dan Nor Hafizah Mohd Fizer (2015) berkaitan dengan perbandingan kelestarian ekonomi komuniti Orang Kanaq dan Orang Kuala dalam aspek modal kewangan. Hasil kajian mendapati bahawa bantuan yang disediakan kerajaan tidak mampu untuk mengubah kehidupan masyarakat Orang Asli Kanaq secara menyeluruh kerana ianya hanya bersifat sementara dan lebih menjurus kepada memenuhi keperluan dan penggunaan semasa seperti makanan, pakaian dan pelbagai barangan keperluan harian. Hal ini kerana, modal kewangan utama mereka adalah tingkat pendapatan dan pemilikan aset tetap adalah rendah. Manakala, Orang Kuala lebih menjurus kepada meningkatkan kualiti modal insan melalui pendidikan dan modal kewangan seperti pinjaman, geran dan subsidi. Bantuan ini lebih membantu Orang Kuala untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Sumber pendapatan dan kegiatan masyarakat Orang Asli adalah berlegar di sekitar alam persekitaran mereka di hutan (Abdul Ghafar Don, 2018). Mereka menjalankan sistem ekonomi tradisi iaitu pertanian yang dibuat secara skala kecil. Menurut Ramlee Abdullah (2014), masyarakat Orang Asli menjalankan aktiviti ekonomi seperti pertanian, aktiviti mengumpul hasil hutan dan pemburuan serta pembuatan kraftangan. Hasil daripada pekerjaan yang

dilakukan oleh mereka sedikit sebanyak membantu mereka untuk mendapatkan sumber pendapatan apabila mereka menjualnya. Secara umumnya, aktiviti ekonomi mereka adalah berbentuk sara diri. Aktiviti ekonomi yang mereka ceburi iaitu sara diri yang tidak dapat berkembang menyebabkan mereka tidak mempunyai pendapatan yang tinggi dan telah menyumbang kepada masalah kemiskinan. Isu kemiskinan masyarakat Orang Asli masih tidak dapat diatasi namun dapat dikurangkan dengan wujudnya usaha-usaha kerajaan dalam membantu kehidupan mereka.

Di Semenanjung Malaysia pula, terdapat satu etnik pribumi iaitu masyarakat Orang Asli. Istilah Orang Asli telah diperkenalkan selepas merdeka untuk mengelompokkan suku kaum yang bertaburan di seluruh Semenanjung di bawah satu pentadbiran (Osman Ali, 2005). Dalam Undang-Undang Malaysia, Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974) mengatakan:

‘Orang Asli adalah mana-mana orang yang bapanya bangsa Orang Asli dan lazim mengikuti cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan Orang Asli, termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki itu. Anak angkat atau anak hasil perkahwinan dengan bukan Orang Asli, dikira Orang Asli sekiranya anak tersebut mengikut cara hidup Orang Asli. Kepercayaan agama tidak memutuskan hak Orang Asli selagi dia mengikuti cara hidup Orang Asli’.

Masyarakat Orang Asli merupakan penduduk asal di Malaysia telah dianggap sebagai etnik minoriti. Mereka adalah etnik minoriti yang agak ketinggalan berbanding kaum-kaum lain (Abdul Ghafar Don, 2018). Hutan dan persekitaran semula jadi telah menjadi tempat untuk Orang Asli bergantung hidup untuk menjalani kegiatan ekonomi sara diri, seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan serta menangkap ikan (Ramlee Abdullah, 2001 dalam Ramlee Abdullah 2008).

Orang Asli adalah istilah daripada Bahasa Melayu dan *aborigines* adalah dalam Bahasa Inggeris untuk merujuk kepada pelbagai suku kaum dalam kumpulan Negrito, Senoi dan Melayu Proto (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, 2008). Menurut Carey (dalam Abdul Ghafar Don, 2018) mengatakan bahawa *aborigines* mempunyai konotasi negatif seperti ‘*backwardness*’, ‘*under-development*’ dan ‘*primitiveness*’ manakala Orang Asli dalam pemakaian istilah Melayu bermaksud kepada ‘*original*’, ‘*well-born*’ dan ‘*aristocratic*’.

Populasi masyarakat Orang Asli membentuk 0.5 % daripada keseluruhan populasi penduduk Malaysia. Masyarakat Orang Asli di Malaysia terdiri daripada 18 suku kaum yang dikelompok kepada tiga kumpulan yang utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Carey, 1976). Mereka dikelompokkan berdasarkan kepada perbezaan ciri-ciri fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan (Hassan Mat Noor, 1996). Kumpulan Negrito terdiri daripada Kensui, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendrik dan Batek. Manakala kumpulan Senoi terdiri daripada Temiar, Semai, Semoq Beri, Che Wong, Jahut dan Mah Meri. Kumpulan Melayu-Proto pula terdiri daripada Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanak, Orang Kuala dan Orang Seletar. Keseluruhan populasi masyarakat Orang Asli ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Populasi Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia Mengikut Suku Kaum Sehingga Mac 2018**

<b>Kumpulan</b>	<b>Etnik</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>
Negrito	Jahai	2 387	5 009
	Bateq	1 447	
	Lanoh	382	
	Mendrik	362	
	Kensiu	237	
	Kintak	194	
Senoi	Semai	51 439	97 858
	Temiar	31 038	
	Jahut	5 618	
	Semoq Beri	5 313	
	Mah Meri	3 799	
	Che Wong	651	
Melayu-Proto	Jakun	34 722	75 330
	Temuan	27 590	
	Semelai	7 725	
	Orang Kuala	3 525	
	Orang Seletar	1 620	
	Orang Kanaq	148	
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>		<b>178 197</b>

Sumber: Diubah suai daripada JAKOA a (2019)

Masyarakat Orang Asli adalah komuniti minoriti dengan jumlah komuniti keseluruhan menghampiri 200,000 orang berbanding jumlah penduduk Malaysia 32.6 juta orang mengikut perangkaan tahun 2019. Jumlah komuniti Orang Asli yang sedikit memberi gambaran kelompok mereka juga adalah kelompok yang bermasalah daripada pelbagai dimensi. Antara masalah ketara yang dibincangkan di sini adalah masalah sosioekonomi khususnya dari aspek kemiskinan. Jika ditinjau didapati masyarakat Orang Asli di luar negara juga tergolong dalam kelompok miskin atau dalam kumpulan termiskin. Menurut Ma'arof (2010) keadaan ini bertambah perit memandangkan perbezaan kehidupan, budaya, sosial dan psikologi dengan masyarakat arus perdana. Oleh itu, isu berkaitan dengan sosioekonomi khususnya kemiskinan sering menjadi isu utama apabila membicarakan tentang Orang Asli.

### **Kawasan Kajian**


Kajian ini telah dijalankan di kawasan Hutan Behrang Tanjung Malim Perak. Berdasarkan maklumat dari Pejabat Perhutanan Daerah Perak Selatan, Hutan Simpan Behrang dengan keluasan 8,047.06 hektar telah diwartakan sebagai hutan simpan kekal pada tahun 1903 (Pejabat Perhutanan Perak, 2016). Hutan Simpan Behrang ini mempunyai kepelbagaian flora dan fauna yang menyumbang kepada sumber ekonomi masyarakat Orang Asli di sekitarnya. Terdapat beberapa penempatan Orang Asli di sekitar jajaran Hutan Simpan Behrang ini iaitu Pos Bersih, Kampung Bakong, Kampung Tibang, Pos Keding, Pos Gesau, Pos Tenau, Pos Chinggong, Kampung Chenain, Kampung Sungai Perangin, Kampung Sungai Bil, Kampung Sungai Lembing, Kampung Orang Asli Pisang Rasau dan Kampung Orang Asli Ulu Rasau. Berdasarkan tinjauan penyelidik dapat mengkategorikan perkampungan Orang Asli dalam

kajian ini dapat dibahagikan kepada 3 kawasan yang utama berdasarkan kepada jarak dengan jalan raya utama sebagaimana berikut:

1. Berada dekat dengan jalan raya utama (kurang lima minit);
2. Berada jauh jalan raya utama (lebih 5 minit); dan
3. Jauh sangat jauh dari jalan raya utama (15 minit ke atas);

Jarak antara jalan kampung Orang Asli dengan jalan raya utama sesuai digunakan kerana kampung yang berdekatan dengan jalan raya utama akan mudah berlaku interaksi sosial dengan masyarakat setempat dan mereka lebih terdedah dengan pembangunan dan pemodenan. Kategori pertama adalah terdiri dari kampung Kampung Pos Chinggong, Kampung Chenain, Kampung Sungai Perangin, Kampung Sungai Bil dan Kampung Sungai Lembing. Sementara kategori kedua pula adalah terdiri dari kampung Pos Bersih, Kampung Bakong dan Kampung Tibang. Sementara Pos Tenau, Pos Keding dan Pos Gesau adalah kampung yang dikategorikan dalam kategori ke tiga iaitu sangat jauh dari jalan utama. Kedudukan lokasi kampung dapat diperincikan dalam Peta 1 di bawah.

**Peta 1: Kawasan Penempatan Orang Asli Terlibat Dalam Kajian**



Sumber: Jabatan Perhutanan Perak 2018

Peta 1 di atas menunjukkan kampung-kampung Orang Asli yang terlibat dalam kajian ini iaitu di jajaran Hutan Simpan Behrang dan Hutan Simpan Bukit Slim Tanjung Malim Perak. Terdapat 11 buah kampung semuanya yang telah dijalankan kajian iaitu Pos Bersih, Kampung Bakong, Kampung Tibang, Pos Keding, Pos Gesau, Pos Tenau, Pos Chinggong, Kampung

Chenain, Kampung Sungai Perangin, Kampung Sungai Bil dan Kampung Sungai Lembing. Boleh dikatakan perkampungan Orang Asli berada berdekatan dengan kampong Melayu dan berdekatan juga dengan pekan-pekan kecil seperti pekan Tanjung Malim dan pekan Slim River. Masyarakat Orang Asli mempunyai tahap interaksi yang tinggi dengan masyarakat Melayu. Kecuali perkampungan Orang Asli yang berada jauh ke pedalaman seperti Pos Tenau, Pos Tibang, Pos Keding dan Pos Gesau yang berada jauh ke dalam Hutan Bukit Slim. Sementara Kampung Orang Asli Sungai Perangin pula mengalami kesukaran dari segi perhubungan disebabkan masih bergantung kepada jalan yang masih belum berturap sepanjang satu kilometer. Keadaan jalan adalah sebagaimana gambar 1 di bawah.

**Gambar 1: Keadaan Jalan dan Papan Tanda Kg. Orang Asli Sg. Perangin**



Sumber: Kerja lapangan 2018/2019

### ***Keadaan Persekitaran Kawasan Kajian, Ancaman dan Kemudahan di Kawasan Kajian***

Secara keseluruhannya kajian ini telah dilakukan di 11 buah kampung yang terdapat di sekitar Tanjung Malim. Kampung-kampung tersebut ialah Pos Bersih (K1), Kampung Bakong (K2), Kampung Tibang (K3), Pos Keding (K4), Pos Gesau (K5), Pos Tenau (K6), Pos Chinggong (K7), Kampung Chenain (K8), Kampung Sg. Perangin (K9), Kampung Sg. Bil (K10), dan Kampung Sg. Lembing (K11). Hasil analisis ke atas senarai semak menerusi pemerhatian di lapangan mendapati hampir keseluruhan kampung terletak di kawasan bukit kecuali Kampung Sungai Lembing dan setiap kampung pula didapati mempunyai sungai. Kedua-dua elemen tersebut merupakan elemen penting dalam kehidupan masyarakat Orang Asli.

Selain itu tidak terdapat banyak kegiatan ekonomi di sekitar petempatan mereka. Kegiatan ekonomi utama yang terdapat di kawasan petempatan Orang Asli ialah aktiviti pertanian/perladangan. Kelapa sawit dan getah merupakan tanaman utama yang terdapat di kawasan tersebut. Kegiatan ekonomi lain yang turut dikesan terdapat di sekitar petempatan mereka ialah penternakan, pelancongan dan pembalakan. Bagaimana pun aktiviti penternakan, pelancongan dikesan berlaku dalam skala yang kecil. Manakala aktiviti pembalakan pula hanya berlaku di sekitar kawasan kampung Pos Bersih dan Pos Tenau sahaja.

Dari segi ancaman hidupan liar, bencana alam, kemusnahan hutan dan pencemaran pula, Pos Bersih merupakan kawasan petempatan yang paling banyak mengalami masalah tersebut.

Kawasan petempatan lain biasanya hanya mengalami ancaman bencana alam seperti banjir, ribut dan kemarau.

Bagaimana pun, kebanyakan kampung yang dilawati telah mempunyai kemudahan yang paling asas iaitu jalan yang berturap, bekalan elektrik dan belakan air paip. Hanya Kampung Sungai Perangin yang masih tidak mempunyai jalan berturap memandangkan kampung tersebut masih baru dibuka secara tetap. Selain itu, terdapat juga kemudahan-kemudahan lain disediakan oleh pihak kerajaan dalam usaha menambah baik tahap kehidupan masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut seperti klinik dan sekolah terutamanya di kawasan petempatan utama yang jauh di pedalaman seperti di Pos Bersih, Pos Gesau dan Pos Tenau.

Kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di kawasan tersebut terutamanya sumber bekalan elektrik, jaringan penangkutan yang lebih baik telah menyebabkan akses kepada alat sebaran maklumat turut menjadi semakin baik. Hampir keseluruhan kampung yang dilawati telah mempunyai akses kepada alat sebaran maklumat seperti television, radio, akhbar/ majalah, telefon bimbit, astro, internet dan CD/ DVD. Keadaan ini secara tidak langsung mendedahkan mereka kepada cara hidup moden dan seterusnya memudahkan lagi usaha kerajaan membawa pembangunan dan pemodenan ke dalam komuniti Orang Asli di kawasan tersebut. Secara keseluruhannya, senarai semak profil kawasan kajian ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Senarai Semak Latar Kawasan Kajian**

A1. Kampung		K 1	K 2	K 3	K 4	K 5	K 6	K 7	K 8	K 9	K10	K11
A2. Lokasi Petempatan	Berdekatan dengan kg. Melayu							√	√	√	√	√
	Dekat dengan pekan/ bandar							√	√	√		
	Kawasan pelancongan									√		
	Jalan balak											
	Kaki bukit	√	√	√	√	√		√	√		√	
	Lereng bukit	√	√	√	√	√	√	√	√	√		
	Puncak bukit						√					
	Hutan balak	√			√	√	√	√				
	Hutan simpan	√	√	√	√	√	√	√	√			
	Anak sungai	√	√	√	√	√	√	√	√	√		
	Sungai utama	√	√	√	√	√	√	√	√		√	√
Tasik	√											
A3. Aktiviti ekonomi di sekitar berdekatan kawasan kampung.	Pembalakan	√					√					
	Pelancongan	√	√	√	√	√		√			√	
	Pertanian/Perladangan	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
	Penternakan	√	√	√	√	√	√	√				√
	Perlombongan											
A4. Ancaman yang terdapat di sekitar berdekatan kawasan kampung.	Haiwan liar (Gajah/ harimau)	√										
	Tanah runtuh	√										
	Banjir	√				√		√	√		√	√
	Ribut	√	√	√	√	√						
	Kemarau	√	√	√	√	√						√
	Penyahutan (pembalakan dll)	√					√					



	Pencemaran (air, udara, darat)	√	√			√			√			
A5. Kemudahan yang terdapat di kawasan kampung.	Jalan berturap	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
	Jalan balak									√		
	Bekalan elektrik	√	√	√	√	√	√	√	√		√	√
	Air paip	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
	Pos keselamatan	√										
	Klinik	√				√	√					
	Sekolah	√	√	√	√	√	√		√			
	Kedai runcit	√	√	√		√	√		√			
	Tempat beribadat	√	√	√		√	√		√		√	√
A6. Akses kepada sebaran maklumat	Television	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
	Radio	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
	Komputer											
	Akhbar/ Majalah	√		√	√	√	√	√	√	√	√	√
	Telefon bimbit	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√
	Astro	√	√	√	√	√	√	√	√		√	√
	Internet	√	√	√		√	√	√	√	√	√	
	Video tape	√										
	CD/ DVD	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√

Sumber: Kerja lapangan 2018/2019

### Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan menggunakan set borang soal selidik. Beberapa siri lawatan ke perkampungan masyarakat orang Asli di sekitar Hutan Simpan Behrang telah dilakukan pada penghujung tahun 2018 dan awal tahun 2019.

Kajian ini telah menggunakan teknik persampelan rawak mudah dan berjaya memperoleh seramai 369 responden dari 11 buah penempatan masyarakat orang Asli iaitu Pos Bersih, Kampung Bakong, Kampung Tibang, Pos Keding, Pos Gesau, Pos Tenau, Pos Chinggong, Kampung Chenain, Kampung Sungai Perangin, Kampung Sungai Bil dan Kampung Sungai Lembing. Masalah utama untuk menjawab soal selidik dalam kalangan Orang Asli adalah kerana tahap literasi mereka yang rendah. Antara kaedah yang dilakukan adalah melantik enemurator untuk bertemu dengan setiap responden dan mencatat soal selidik melalui perbincangan santai dengan setiap responden. Terdapat lebih dari 60 orang enemurator terlibat dalam kajian ini.

Borang soal selidik mengandungi tiga bahagian utama yang merangkumi latar belakang kawasan kajian, demografi responden dan tahap kesedaran sains responden. Dalam kajian ini hanya latar belakang kawasan dan demografi dianalisis. Data dianalisis secara diskriptif dengan melihat kepada nilai kekerapan dan peratusan.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

### Dapatan Kajian

#### Latar Belakang Responden

##### Taburan Jantina Responden

Analisis ke atas jantina responden pula mendapati 53.7% atau 198 orang responden adalah wanita dan 46.3% atau 171 orang responden adalah lelaki. Jumlah responden wanita lebih ramai daripada lelaki disebabkan oleh akses kepada golongan tersebut semasa kajian ini dijalankan lebih mudah berbanding golongan lelaki. Golongan wanita biasanya lebih banyak berada di rumah berbanding golongan lelaki yang biasanya keluar bekerja pada siang hari. Keadaan ini menyebabkan golongan wanita lebih mudah didekati untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Pecahan jantina responden ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Taburan Jantina Responden Mengikut Kampung**

Nama Kampung	Jantina			
	Lelaki		Perempuan	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Pos Bersih	43	11.6	91	24.6
Kampung Bakong	3	0.8	3	0.8
Kampung Tibang	15	4.1	8	2.1
Kampung Pos Keding	9	2.4	7	1.9
Kampung Pos Gesau	12	3.3	26	7.0
Kampung Pos Tenau	18	4.9	2	0.5
Kampung Chinggong	24	6.5	18	4.9
Kampung Chenain	19	5.1	11	3
Kampung Sg.Perangin	8	2.1	3	0.8
Kg Sg Bil	6	1.6	22	6
Kg. Sg Lembing	14	3.8	7	1.9
<b>Jumlah</b>	<b>171</b>	<b>46.3</b>	<b>198</b>	<b>53.7</b>

Sumber: Kerja lapangan 2018/2019

##### Taburan Responden Mengikut Kampung

Jadual 3 di bawah menerangkan tentang taburan responden mengikut kampung di jajaran Hutan Simpan Behrang yang terdiri daripada 11 kampung yang terlibat terdiri daripada Pos Bersih, Bakong, Tibang, Pos Keding, Pos Gesau, Pos Tenau, Chinggong, Chenain, Sg. Perangin, Sg. Bil dan Sg. Lembing. Secara umum setiap kampung mempunyai wakil untuk menjawab soal selidik dalam kajian yang telah dijalankan. Paling ramai responden adalah dari Pos Bersih iaitu sebanyak 36.3 peratus atau 134 responden sementara paling rendah responden adalah dari kampung Bakong iaitu sebanyak 1.6 peratus sahaja atau 6 orang responden. Kampung-kampung lain jumlah responden adalah sederhana iaitu antara 4 peratus hingga 11 peratus. Oleh itu kajian ini telah mewakili populasi yang mencukupi untuk generalisasi kajian.

**Jadual 3: Taburan Kampung Responden**

Nama Kampung	Jumlah (%)	
	Bilangan	Peratus, %
Pos Bersih	134	36.3
Kampung Bakong	6	1.6
Kampung Tibang	23	6.2
Kampung Pos Keding	16	4.3
Kampung Pos Gesau	38	10.3
Kampung Pos Tenau	20	5.4
Kampung Chinggong	42	11.4
Kampung Chenain	30	8.1
Kampung Sg.Perangin	11	3
Kg Sg Bil	28	7.6
Kg. Sg Lembing	21	5.7
<b>Jumlah</b>	<b>369</b>	<b>100</b>

Sumber: Kerja lapangan 2018/2019

#### ***Taburan Umur Responden***

Jadual 4 di bawah menunjukkan taburan umur responden yang telah menjawab soal selidik yang telah diedar. Secara umum didapati umur antara 21 hingga 40 tahun adalah paling ramai menjawab soal selidik iaitu sebanyak 54.5 peratus atau 201 orang responden iaitu melebihi separuh dari jumlah responden kajian. Sementara responden dari bilangan umur paling sedikit adalah dalam lingkungan umur 61 tahun ke atas iaitu sebanyak 4.6 peratus atau 17 responden sahaja. Dapatan ini penting kerana umur dalam lingkungan 21 tahun hingga 40 tahun adalah umur responden yang paling produktif dan respon mereka amat penting dalam kajian ini.

**Jadual 4: Taburan Umur Responden**

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 20	56	15.2
21-40	201	54.5
41-60	95	25.7
61 dan ke atas	17	4.6
<b>Jumlah</b>	<b>369</b>	<b>100</b>

Sumber: Kerja lapangan 2018/2019

#### ***Taburan Responden Mengikut Suku Kaum***

Jadual 5 di bawah menunjukkan taburan suku kaum responden. Secara umum suku kaum Orang Asli dalam kawasan kajian adalah terdiri daripada Orang Asli Semai. Hanya beberapa responden sahaja dari suku kaum berlainan. Jumlah responden suku kaum semai adalah sebanyak 97.6 peratus atau mewakili 360 orang responden. Terdapat juga beberapa orang responden yang berdarah campuran Semai-Temiar (0.3 %), Cina-Semai (0.5 %) dan Semai-Jakun (0.5 %) hasil daripada perkahwinan campur. Selebihnya lagi adalah responden daripada suku kaum lain yang tinggal di kawasan tersebut seperti Orang Asli dari suku kaum Jakun (0.5 %), Rungus (0.3 %) dan Semelai (0.3 %).

**Jadual 5: Taburan Suku Kaum Responden**

<b>Suku kaum</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Semai	360	97.6
Jakun	2	0.5
Rungus	1	0.3
Semelai	1	0.3
Semai + Temiar	1	0.3
Semai + Cina	2	0.5
Semai + Jakun	2	0.5
<b>Jumlah</b>	<b>369</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Kerja lapangan 2018/2019

### ***Taburan Responden Mengikut Agama***

Jadual 6 di bawah menunjukkan taburan agama yang dianuti oleh responden. Secara umum responden adalah beragama Kristian jumlah adalah sebanyak 65.4 peratus (240 responden). Sementara itu masih ramai menganuti agama asal nenek moyang mereka iaitu anamisma sebanyak 15 peratus (55 responden), Agama Islam pula sebanyak 7.9 peratus (29 orang), Akhir sekali 3 peratus (11 responden) menganut agama Bahai dan selebihnya tidak mempunyai agama atau ateis.

**Jadual 6: Taburan Agama Yang Dianuti Oleh Responden**

<b>Agama</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kristian	240	65.4
Anamisma	55	15
Islam	29	7.9
Bahai	11	3.0
Tiada agama (Ateis)	34	9.2
<b>Jumlah</b>	<b>369</b>	<b>100</b>

Sumber: Kerja lapangan 2018/2019

### ***Ekonomi Responden***

Dalam kajian ini hanya dua dimensi dilihat sebagai mengukur tahap ekonomi masyarakat Orang Asli iaitu dari aspek pekerjaan dan pendapatan mereka. Kedua-dua dimensi ini akan mempengaruhi ekonomi secara langsung dan dapat melihat tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli di kawasan kajian.

### ***Pekerjaan Responden***

Jadual 7 di bawah memaparkan pekerjaan responden mengikut kategori dan juga jenis-jenis pekerjaan secara terperinci. Kebanyakan responden Orang Asli bekerja sendiri tetapi dalam bentuk pekerjaan tradisi yang diwarisi oleh ibu bapa mereka. Kebanyakan mereka kerja memungut hasil hutan sebanyak 22.2 peratus (82 responden), menorah getah sebanyak 18.4 peratus (68 responden) dan bertani sebanyak 14.4 % (53 responden). Sementara jumlah responden yang bekerja di sector awam adalah amat sedikit bilangannya iaitu sebanyak 2 peratus sahaja dan kebanyakannya sebagai kerani. Bidang pekerjaan di sector swasta juga agak rendah di mana terdapat tiga bentuk pekerjaan sahaja berjaya dicatatkan oleh responden iaitu pengawal keselamatan (4.3 %), perkilangan (2.9 %) dan sebagai tukang cuci (3.3 %).

Selebihnya adalah tidak bekerja atau sebagai suri rumah kebanyakan responden adalah terdiri dari kalangan responden adalah wanita sebanyak 25.5 peratus dari kajian ini.

**Jadual 7: Pekerjaan Responden Mengikut Kategori**

Kategori	Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Sektor Awam	Kerani	5	1.4
	Pesara	3	0.8
Sektor swasta	Pengawal	16	4.3
	Kilang	11	2.9
	Tukang cuci	12	3.3
Sendiri	Memburu	3	0.8
	Berniaga	15	4.1
	Kutip hasil hutan	82	22.2
	Kerja getah/sawit	68	18.4
	Bertukang	5	1.4
	Bertani	53	14.4
	Nelayan air tawar	2	0.5
Suri Rumah/ Tidak bekerja		94	25.5
<b>JUMLAH</b>		<b>369</b>	<b>100</b>

### *Pendapatan Reponden*

Jadual 8 di bawah menerangkan pendapatan responden dalam kajian ini. Secara umum didapati pendapatan responden adalah di bawah paras garis kemiskinan iaitu di bawah RM1000 sebulan. Namun secara relatifnya pendapatan bawah RM500 adalah paling besar iaitu mewakili sebanyak 75.4 peratus daripada keseluruhan kajian ini. Sementara pendapatan melebihi 500 ke atas adalah hanya sebanyak 24.6 peratus sahaja. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa Orang Asli di kawasan Hutan Behrang berada dalam kategori miskin tegar.

**Jadual 8: Pendapatan Responden**

Pendapatan Sebulan	(RM)	Bilangan	Peratus (%)
Kurang 100		118	32
101-200		44	11.9
201-300		51	13.8
301-400		30	9.5
401-500		35	9.5
501-1000		69	18.7
1001-2000		20	5.4
2001 ke atas		2	0.5
<b>Jumlah</b>		<b>369</b>	<b>100</b>

Sumber: Kerja lapangan 2018/2019

## Perbincangan

Secara umum kajian ini telah berjaya membuat tinjauan awal di kawasan kajian untuk melihat secara dekat dengan masyarakat Orang Asli di kawasan Hutan Behrang, Tanjung Malim Perak. Secara umum suku etnik Orang Asli yang mendiami kawasan Hutan Hulu Behrang adalah masyarakat Orang Asli Semai di mana lebih 97 peratus responden adalah terdiri daripada masyarakat Orang Asli Semai. Suku etnik lain yang ada adalah mereka yang datang dan tinggal di perkampungan Orang Asli Hulu Behrang. Secara umum melalui tinjauan didapati terdapatnya perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang mnggambarkan adanya interaksi dengan masyarakat luar tetapi dalam kadar yang rendah dan kebanyakan perkahwinan campur dalam kalangan Orang Asli juga dari suku etnik berbeza.

Secara umum dari segi lokasi didapati masyarakat Orang Asli dalam kategori pertama dan kedua iaitu mereka yang tinggal di kawasan berdekatan dengan jalan utama dekat dengan kampung Melayu terdedah dengan masyarakat tempatan dan interaksi yang tinggi membolehkan sebahagian besar mereka sudah terserap dengan masyarakat dominan seperti masyarakat Melayu. Kadar interaksi yang tinggi dengan masyarakat luar menyebabkan mereka juga terdedah dengan pembangunan dan pemodenan. Dalam kajian ini juga didapati masyarakat di kategori pertama dan kedua lebih maju berbanding perkampungan di kategori ketiga yang terletak lebih ke dalam di kawasan pedalaman antaranya kampung Pos Tenau, Pos Keding dan Pos Gesau yang berada jauh ke dalam. Mereka masih bergantung kepada kehidupan tradisi mereka seperti memungut hasil hutan, memburu dan sebahagian dari mereka bekerja sebagai buruh di estet getah dan sawit.

Dari segi ekonomi pula didapati kehidupan orang Asli masih rendah pendapatan bulanan iaitu lebih 70 responden berada di bawah RM500 sebulan iaitu di bawah garis kemiskinan. Keadaan ini disebabkan pekerjaan mereka lebih kepada kerja tradisi seperti memungut hasil hutan, pertanian secara kecil-kecilan dan sebahagian besar bekerja sebagai buruh kasar di ladang getah dan sawit milik orang. Oleh itu, keadaan ini menyebabkan masyarakat Orang Asli mengalami kesukaran untuk maju. Secara umum boleh dikatakan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya masih hidup dalam keadaan terpinggir dan jauh ketinggalan berbanding kaum lain dari segi sosioekonominya. Pelbagai usaha untuk membangunkan masyarakat Orang Asli telah bermula sejak negara mencapai kemerdekaan. Ini adalah bertujuan untuk membawa mereka keluar daripada kepompong kemiskinan agar seiring dengan kaum lain dalam arus pemodenan. Antara usaha tersebut ialah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), program Penyusunan Semula Kampung (PSK) dan Rancangan Kampung Baru (RKB) yang melibatkan usaha-usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli (Portal rasmi KPLB, 2019).

Walau bagaimanapun, sehingga kini usaha-usaha tersebut masih belum membuahkan hasil yang memuaskan. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat sebelum ini menunjukkan masih ramai masyarakat Orang Asli yang hidup dalam keadaan miskin bahkan sebahagiannya semakin tersepit dalam arus pembangunan. Kajian oleh Suki Mee (2006) ke atas Orang Asli Temuan di Desa Temuan, Selangor; Mustaffa Omar (2009) ke atas komuniti Orang Asli Jakun di RPS Bekok, Johor; Norsida Man, Halilah Hamid dan Asnarulkhadi Abu Samah (2013) ke atas empat buah RPS iaitu RPS Kedaik, RPS Buluh Nipis, RPS Runchang dan RPS Bukit Serok, Pahang dan Ronzi Mohd Yusoff, Sharina Abdul Halim dan Joy Jacqueline Pereira ke

atas komuniti Orang Asli Jahai di RPS Air Banun, Perak misalnya mendapati hidup komuniti Orang Asli semakin terbeban dengan gaya hidup baru yang moden.

### **Kesimpulan**

Kajian ini telah berjaya mendapatkan maklumat awal berkaitan dengan latar belakang masyarakat Orang Asli di jajaran Hutan Simpan Behrang dan kemudahan infrastruktur asas yang terdapat di perkampungan Orang Asli. Antara dapatan yang boleh dikatakan penting dalam kajian ini adalah profil latar kawasan kajian dan juga keadaan sosio ekonomi masyarakat Orang Asli. Profil latar kawasan kajian mendapati bahawa kediaman atau tempat tinggal Orang Asli dilengkapi dengan kemudahan asas. Namun begitu, tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik keadaan ini hanya berlaku di kawasan zon kategori satu yang mana tempat tinggal mereka berdekatan dengan jalan utama dan pembangunan. Kawasan zon kategori kedua dan ketiga boleh dikatakan kemudahan agak terbatas. Begitu juga dari segi pendapatan bulanan hanya mereka di zon pertama dan zon kedua mempunyai pendapatan yang lebih baik. Kategori ketiga kawasan penempatan Orang Asli menunjukkan mereka tidak mempunyai pendapatan tetap dan hanya bergantung kepada sumber dari hutan. Oleh itu, melalui kajian ini diharap dapat memberikan gambaran yang jelas kepada kita keadaan masyarakat Orang Asli di Hutan Simpan Hulu Behrang, Tanjung Malim, Perak.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian daripada tajaan penerbitan Geran Penerbitan Kerjasama UMS dan UPSI (TLS2113) yang dibiayai Global Academic Excellence (GAE). Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Global Academic Excellence (GAE) yang telah memberi peruntukan untuk membiayai penerbitan ini.

Penulis juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atas dana kewangan GERAN PENYELIDIKAN KHAS UNIVERSITI (2018-0209-108-01) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Batang Padang, Perak.

### **Rujukan**

- Abdul Ghafar Don (2018). Komuniti Asli di Malaysia. Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini (Eds.), *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia* (pp. 19-28). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2008). *Dakwah Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang*. Karisma Publications. Sdn. Bhd.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala
- Chamburi, S. (2004). *Pembangunan Mapan Strategi "Menang-menang" Untuk Pembasmian Kemiskinan dan Pemuliharaan Alam Sekitar* (Ed. Ke-2). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Choy, E.A, Zalina Che Mat Ariffin dan Joy, J. P. (2010). Sosioekonomi masyarakat orang asli: kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu*, 5, 295–314.
- Hassan Mat Nor (1996). *Tanah dan masyarakat Orang asli: kajian kes di empat buah kampung Orang asli di daerah Batang Padang, Perak*. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2016). *Higher Household Income, Lower Poverty Rates*. Diperoleh daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&>

- menu\_id= UIVlbUxzUWo0L3FEaWZmUVg4ZFQzZz09 dimuat turun pada 31 Ogos 2021. Kampung Orang Asli di Daerah Batang Padang, Perak. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM.
- Rohaida Mohamad (2019). Anggaran Penduduk Semasa 2018-2019. Jabatan Perangkaan Malaysia. Diperoleh daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=Vjc3dFd5cXhNYTZtbnVhS0lEWepudz09> dimuat turun pada 6 Oktober 2021.
- Laily, P., dan Sharifah Azizah, H. (2010) Konsep dan Pendekatan Mengukur Kemiskinan dalam Laily P. dan Sharifah Azizah, H. (Pyt.) Kemiskinan di Malaysia: Isu Fundamental dan Paparan Realiti (Hlm. 1-29), Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Ma'rof, R. (2010). Pembangunan dan kemunduran komuniti peribumi: Kes kemiskinan dalam komuniti Orang Asli. Dlm. Laily, P. & Sharifah, A. H. (Pyt.), Kemiskinan di Malaysia: Isu fundamental dan paparan realiti (hlm. 96-131). Serdang, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Nur Syufaat Jamiran dan Seow T. W. (2013). Kelestarian Transformasi Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli. Persidangan Kebangsaan Geografi Dan Alam Sekitar Kali Ke 4, 5-6 Mac 2013, UPSI, 5-6.
- Muhammad Wafi Ramli (2020). Keadaan Ekonomi Komuniti Orang Asli Semoq Beri di Kampung Sungai Berua, Terengganu. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 17(6)
- Mustaffa Omar (2008). Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Masyarakat Orang Asli: Pencapaian dan Cabaran dalam Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill (eds.). *Orang Asli: Isu Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Unversiti Putra Malaysia.
- Norsida Man, Halilah Hamid dan Asnarulkhadi Abu Samah (2013). The Impact of Agriculture Land Development Programme (ALDP) of Orang Asli Resettlement Plan Scheme (RPS) in Pahang, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science & Humanity*, 21 (S): 63 – 78.
- Osman Ali (2005). *Orang Asli -Pengenalan dan Sejarah*. Osman Ali & Zaleha Md.Isa (Ed.), *Kehidupan dan Kesihatan Orang Asli di Malaysia* (pp. 1-16). Universiti Malaysia Sabah.
- Ramle Abdullah (2014). *Orang Asli Pembangunan dan Transformasi*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ronzi Mohd Yusoff, Sahrina Abdul Halim dan Joy Jacqueline Pereira (2019). Impak rancangan Pengumpulan Semula (RPS) ke atas Komuniti Orang Asli jahai di rancangan Pengumpulan Semula Air Banun, Perak. *Asian Journal of environment, History and Heritage* 3: 175-182
- Suki Mee (2006). *Pembandaran dan Modenisasi Komuniti Orang Asli di Bukit Lanjan, Damansara, Selangor*. Tesis Sarjana. UKM.
- Unit Perancang Ekonomi (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.